

# Proses pulih penagih wanita lebih sukar

**TIMBALAN** Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd Johari Baharum dalam satu kenyataan di Parlimen baru-baru ini menyebut jumlah penagih dadah wanita di negara ini boleh meningkat hingga mencapai 11,000 orang dalam tempoh 10 tahun lagi.


Jumlah itu dihitung berdasarkan purata kadar pertambahan seramai 574 orang penagih baru dalam tempoh lima tahun, sejak 2000. Biarpun, angka tersebut anggaran bagi tempoh 10 tahun akan datang, ia harus dilihat sebagai satu ancaman yang boleh merencatkan kemajuan sedang dicapai golongan Hawa hari ini dalam pelbagai bidang.

Wartawan, SITI ZALEHA JORIMAI dan ju-

rugambar, RASHID MAHFOF, mendapatkan pandangan pakar kaunselor Persatuan Pengasih, Zulkama Zura Zulkarnain berhubung isu tersebut.

Bekas Graduan Ijazah Pembangunan Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), melupakan jawatan bergaji tinggi sebaliknya mengabdikan diri sebagai sukarelawan di pusat berkenaan sejak 1999 bagi membantu para penagih dadah yang mahu kembali ke dalam masyarakat..

Biarpun jawatan hakikinya sebagai pengurus bahagian pentadbiran, Zulkama terbabit secara langsung dalam program pemulihan terutama bagi bekas penagih dadah wanita.



ZULKAMA AZURA ZULKARNAIN

**Mega: Berdasarkan pengalaman mengendalikan penagih wanita di Pengasih, apa faktor besar yang menjerumuskan wanita menjadi penagih dadah?**

**Zulkama Azura:** Isu wanita jadi penagih dadah sebahagian besarnya dikaitkan dengan hubungan dengan teman lelaki dan kegiatan tidak bermoral. Contoh terbaru sekarang ini ialah mat rempit. Wanita yang mahu diterima dalam kumpulan mat rempit misalnya, akan ikut apa saja yang teman lakinya buat. Apabila teman lakinya terbabit dadah dia akan ikut sekali. Inilah juga yang berlaku dalam kumpulan, skin head, punk dan sebagainya.

Punca kedua, pergolakan dalam keluarga sama ada wanita tersebut menjadi mangsa keruntuhan rumah tangga, penderaan fizikal mahupun seksual. Lelaki kalau didera mereka mungkin boleh melawan, tetapi wanita lebih suka pendam di dalam hati dan akhirnya mengambil dadah sebagai pelarian bagi melupakan masalah.

Saya ada kes di mana wanita ini didera oleh bapa saudaranya. Teman teman lakinya menyuruh wanita ini mengambil ubat batuk untuk menghilangkan rasa sakit ketika dipukul.

Akhirnya dia jadi ketagih ubat batuk dan kemudian beralih kepada dadah.

**Walaupun ramai wanita menjadi penatih dadah, tetapi tidak ramai yang mendapat rawatan di pusat pemulihan. Kenapa dan bagaimana pula situasinya di Pengasih?**

Sejak di buka jumlah penagih dadah wanita yang mendapatkan rawatan di Pengasih memang tidak ramai berbanding lelaki, kira-kira satu peratus saja.

Sekarang ini pun hanya ada enam atau tujuh penghuni daripada 80 penghuni di sini. Bagaimanapun, satu peratus itu bukan gambaran sebenar bahawa jumlah penagih wanita tidak ramai.

Penagih dadah wanita jarang dapat ditangkap ketika operasi oleh pihak polis kerana wanita bukan penagih jualan seperti kebanyakan penagih le-

laki. Sebaliknya, mereka menghisap dadah dalam keadaan yang lebih tertutup seperti di rumah.

Dari segi kejayaan pemulihan juga tidak tinggi. Saya rasa kadar kejayaan pemulihan akan lebih tinggi jika mendapat sokongan dan kerjasama keluarga serta masyarakat.

Malangnya, penagih wanita selalunya sukar untuk diterima semula oleh keluarga berbanding lelaki. Bagi mereka, jika anak lelaki menagih cuma dianggap nakal, tetapi jika anak perempuan mereka dianggap mengaibkan keluarga. Begitu juga dalam masyarakat, yang lebih mudah menerima semula penagih lelaki daripada wanita. Stigma masyarakat ini sebenarnya tidak membantu proses pemulihan penagih dadah wanita.

**Boleh anda jelaskan sedikit pendekatan pemulihan yang digunakan oleh pengasih?**

Secara umumnya kami menggunakan pendekatan terapi kekeluargaan di mana proses pemulihan dibahagikan kepada beberapa bahagian. Pertama, pengurusan atau pembentukan semula tingkah laku, kerana penagih dadah biasanya sudah rosak dari segi tingkah laku, berfikirin negatif dan sebagainya.

Proses kedua ialah pengurusan emosi terutama emosi marah yang ada dalam diri penagih dadah. Seterusnya, proses peningkatan kerohanian atau spiritual di mana kami cuba menyerapkan elemen-elemen agama, keyakinan terhadap perkara-perkara bersifat qada dan qadar ke dalam diri bekas penagih.

Peringkat terakhir ialah membina kemahiran hidup. Kita mungkin tidak tahu bahawa penagih dadah sebenarnya mempunyai kemahiran hidup yang tinggi, tetapi selama ini lebih ke arah negatif seperti mencuri, menipu, pecah rumah dan sebagainya. Kami akan cuba menukar kemahiran negatif itu kepada positif. Antaranya, dengan menjadikan mereka pemimpin dalam rumah.

Di rumah Pengasih, penghuni saling memberi sokongan dan pemimpin rumah menjadi contoh kepada yang lain. Penghuni apabila tengok orang lain berubah mereka juga ingin berubah.

**Bagaimana pula proses pemulihan terhadap penagih dadah wanita?**

Proses pemulihan terhadap penagih dadah wanita tidak ada bezanya dengan penagih lelaki. Begitupun, proses pemulihan terhadap wanita agak sukar. Mungkin sikap wanita yang pemalu dan lebih suka memendam perasaan menyukarkan mereka untuk berkongsi pengalaman atau kisah lampau. Sedangkan mengetahui latar belakang dan kisah lampau penagih dadah adalah penting dalam proses pemulihan.

Penagih dadah wanita lambat untuk lebih terbuka dalam bercerita mengenai latar belakangnya berbanding lelaki.

**Pada pendapat anda bagaimana untuk membendung penagihan dadah terutama di kalangan wanita?**

Membendung penagihan dadah ialah dengan cara membendung gejala sosial seperti lepak, pergaulan bebas, rempit, dan sebagainya, kerana segala masalah berpunca daripada situ.

Usaha tersebut harus dilakukan di peringkat awal lagi iaitu di peringkat sekolah memandangkan mereka golongan paling berisiko.

Ibu bapa harus peka dengan pergerakan anak-anak. Mungkin kita harus menghidupkan semula konsep 'jaga tepi kain orang' di dalam masyarakat, di mana kita saling mengambil tahu pergerakan anak termasuk anak jiran sekeliling

Dalam pada itu, usaha menangani masalah penagihan di kalangan wanita perlu dipandang lebih serius. Tidak seperti penagih lelaki yang mencuri atau pecah rumah, penagih wanita biasanya akan menjual diri untuk mendapatkan duit bagi membeli dadah.

Keadaan ini membawa kepada masalah sosial yang lebih teruk seperti jangkitan HIV/Aids yang boleh meruntuhkan institusi keluarga dan masyarakat.

**Kembali mengenai pembabitan anda di Pengasih, mengapa memilih persatuan ini?**

Saya anggap Pengasih satu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang unik kerana 90 peratus operasinya dikendalikan oleh bekas penagih dadah dan satu-satunya pertubuhan seumpama ini di dunia.

Memang sebelum mengenali pengasih, seperti orang lain juga saya mempunyai pandangan kurang senang terhadap golongan penagih.

Ketika itu bagi saya mereka sinonim dengan perilaku-perilaku negatif, ganas, mencuri dan sebagainya.

Tetapi pandangan tersebut berubah sebaik melangkah ke Pengasih kerana gambaran tersebut nyata tidak wujud di sini.

Saya pernah cuba berkerja di luar, tetapi akhirnya saya jadi rindu tempat ini. Rindu pada suasananya, pada tegur sapa biarpun sekadar bertanya khabar. Kehidupan di sini berbeza berbanding di luar di mana masyarakatnya hidup sendiri-sendiri. Bagi saya sikap prihatin itu yang menghidupkan suasana di Pengasih.

**Dengan kelayakan yang ada, anda boleh memperoleh pekerjaan yang lebih bagus dan bergaji tinggi, tetapi anda memilih sebagai sukarelawan di Pengasih, mungkin anda ada sebab tersendiri?**

Untuk berada di sini semangat kena kuat kerana tugas di sini dianggap sebagai sukarela, sebab itu kami tidak dibayar gaji sekadar elaun untuk menyara diri.

Bagi mereka yang menginginkan gaji yang tinggi tempatnya memang bukan di sini, tetapi apabila kita merasakan bahawa gejala penagihan dadah merupakan musuh bangsa dan agama, soal ganjaran atau gaji bukan lagi menjadi perkara pokok.

Sebaliknya, kepuasan apabila melihat penghuni keluar sebagai 'manusia' dan datang balik dengan kejayaan, ada keluarga, pekerjaan dan kehidupan yang baik. Kejayaan penghuni mengekalkan pemulihan dan bersih daripada penagihan dadah satu kepuasan yang tidak terhitung bagi saya.